

mereka hendaklah ditunjukkan cara yang sebenar serta bagaimana tanggungan-tanggungan mereka di dalam perkara ini.

Sekiranya diadakan hukuman-hukuman denda atau penjara kepada seseorang suami yang menceraikan isterinya maka yang demikian menurut pendapat kita adalah menyalahi kehendak-kehendak dan peraturan-peraturan agama bahkan menambahkan lagi kepada undang-undang Islam yang ada. Ia akan menyalahi pula kepada keluasan Allah atas cerai-yakni agama Islam itu tidak mengikat sesuatu perkahwinan yang tidak boleh dipisahkan kerana yang demikian adalah menyalahi tabiat kejadian manusia.

Untuk mengurangkan perceraian itu tidak lain hanyalah tiap-tiap kadi yang mas'ul di dalamnya mengetahui tanggungjawab dan kewajipannya atas jawatannya.

\* \* \*

### **Hikmah Syari'at**

Terbit daripada perkara-perkara cerai di Singapura yang tiap-tiap tahun itu tidak kurang banyaknya maka suatu ura-ura hendak mengadakan mahkamah syariah di sini telah ada. Rancangan itu khabarnya telah dibawa dan dibahas oleh majlis penasihat Islam dan rangka-rangkanya telah pun siap tetapi perkara yang timbul daripadanya sekarang iaitu siapakah yang akan menanggung perbelanjaan mahkamah itu kelak – adakah orang Islam atau pun kerajaan.

Mengingat kepada perkara ini adalah perkara am yang mengenai juga banyak penduduk di sini maka mengadakan suatu mahkamah syariah yang bakal mengurus hal-hal mereka itu adalah sangat mustahak sebab yang demikian itu kerap kali juga membangkitkan perkara-perkara yang merosak kepada keamanan dan di sebalik itu dapatlah perkara-perkara orang-orang Islam itu dibawa di hadapan orang-orang Islam sendiri mengikut hukuman-hukuman terutama di dalam perkara nikah kahwin dan pembahagian harta pusaka.

Dengan kerana ia suatu perkara am menurut pandangan kita perkara ini wajib diselenggarakan oleh kerajaan dan kerajaan wajib mengadakannya. Perkara ini sepatutnya tidak ditinggalkan begitu sahaja. Bahkan hendaklah dibawa

kepada timbangan kerajaan oleh orang-orang Islam yang duduk di dalam majlis mesyuarat negeri.

\* \* \*

### **Muktamar Islam di Tenggara Asia**

Suatu persiapan telah dibuat untuk mengadakan muktamar Islam yang kedua yang dicadangkan diadakan di Kuala Lumpur oleh penaja-penajanya iaitu Jami'ah al-Da'wah al-Islāmiyyah. Muktamar yang pertama telah diadakan di Singapura lebih kurang dua tahun dahulu semasa penganjurnya Mawlana 'Abd al-'Alīm al-Siddīqī ada di sini.

Kita telah pun menulis di sini tentang apakah natijah atau faedah muktamar yang sebegitu besar bunyinya kepada kita itu. Dengan membandingkan kepada belanja-belanja yang dikeluarkan kerananya. Apa yang kita sebut itu tidak dapat dinafikan kebenarannya kerana daripada masa itu hingga sekarang tidak ada sesuatu pun yang dapat kita lihat buahnya. nampaknya ura-ura tinggal ura-ura – habis mesyuarat ura-ura itu tinggal rancangan di atas kertas, tidak terlepas barang sedikit jua pun.

Kita mendengar heboh pada masa itu hendak menubuhkan sebuah syarikat perniagaan Islam yang bermodal bermillion-million ringgit – akuan-akuan menyokong banyak timbul tetapi sesudah tuan 'Abd al-'Alīm meninggalkan Malaya maka rancangan itu pun masuk pula ke dalam laut – tidak terdengar lagi khabar beritanya.

Dengan keadaan-keadaan yang sedemikian itu maka apakah faedahnya sesuatu muktamar yang sebegitu besar bunyinya sedang tidak memberi sesuatu manfaatnya kepada umat Islam selain daripada mengambil sesuatu keputusan yang tidak dapat diselenggarakan?

Kita tetap berpendapatan mengatakan bahawa muktamar yang besar itu tidak ada gunanya diadakan – pekerjaan yang lebih dan banyak untuk diselenggarakan oleh umat Islam di sini masih banyak tetapi tidak dibuat dan diselenggarakan dengan secukupnya oleh penaja pertubuhan itu. Kita masih memandang bahawa habis mesyuarat maka habislah ia sedang faedahnya tidak didapati sedang wang dan masa habis begitu sahaja.